**DATO' GANDHI K. SINGAM**

**lwn.**

**TETUAN OMAR & JOSEPH AU**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ B. MOHAMAD H.
DATO' DR. VISU SINNADURAI H
[USUL PEMULA NO. 25-1-1993]
28 JULAI 1994

***PROFESION UNDANG-UNDANG:*** *Prosiding tatatertib terhadap Peguam - Akta Profesion Undang-Undang 1976 s. 95(1) - Samada bersifat sebagai guaman sivil - Locus standi pengadu - Samada satu syarat penting untuk menggerakkan prosiding - Aduan dibuat oleh responden bagi pihak klien - Samada responden mempunyai locus standi - Samada responden bertindak diluar arahan kliennya.*

Perayu telah bertindak bagi pihak seorang klien dan Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP) dalam hal pembelian satu hartanah. Pembelian tersebut dibiayai oleh BBMB dan untuk itu satu pinjaman sebanyak RM80,000, yang akan dijamin oleh gadaian hartanah tersebut, telah diluluskan oleh BBMB. Responden adalah Peguam yang dilantik oleh BBMB untuk mengendalikan transaksi yang berkaitan bagi pihak mereka.

Fakta menunjukkan bahawa responden telah melepaskan pinjaman di atas kepada perayu setelah perayu mengakujanji untuk mengemukakan memorandum pindah milik hartanah tersebut dan membayar balik pinjaman jika gadaian tidak dapat didaftarkan. Perayu gagal mengkotakan kedua-dua akujanjinya dan responden menulis kepada BBMB menyarankan beberapa tindakan lanjut. Keterangan tentang apakah sebenarnya yang disarankan itu, bagaimanapun, tidak dikemukakan kepada Mahkamah. Pada 6 Disember 1990, BBMB menulis kepada responden dan meminta responden "teruskan tindakan untuk mendapatkan semula pinjaman tersebut sebagaimana yang tuan sarankan dahulu". Surat ini tidak menyebut apa-apa pun tentang aduan kepada Majlis Peguam, apalagi mengarahkan defendan untuk berbuat demikian. Bagaimanapun, pada 21 Januari 1991, responden membuat aduan kepada Majlis Peguam dan menyebut "we are accordingly instructed by our clients to lodge this complaint".

Pada 20 Jun 1991, setelah Majlis Peguam memutuskan agar aduan ini disiasat oleh Jawatankuasa Tatatertib, perayu memberitahu responden bahawa BBMB bersetuju untuk menarik balik aduan itu atas janji LKNP untuk membayar balik pinjaman, dan meminta responden menarik balik aduan apabila pembayaran balik dibuat kelak. Pada 6 Julai 1991 perayu membayar balik wang pinjaman kepada responden dan sekali lagi meminta responden menarik balik aduannya selaras dengan persetujuan yang diberikan oleh BBMB. Responden enggan berbuat demikian dan bertekad untuk meneruskan prosiding tatatertib tersebut. Fakta menunjukkan bahawa responden tidak merujuk kepada BBMB untuk menentukan samada BBMB bersetuju untuk menarik balik aduan itu atau pun tidak.

Dalam rayuan ini perayu berhujah bahawa responden tidak mendapat arahan khusus dari BBMB untuk membuat aduan tatatertib terhadapnya dan dengan itu tidak mempunyai *locus standi* untuk menggerakkan prosiding tatatertib tersebut. Di hadapan Yang Arif Hakim persoalan penting yang timbul ialah samada *locus standi* pengadu adalah satu syarat penting untuk menggerakkan prosiding tatatertib oleh Jawatankuasa Tatatertib di atas, dan jika ya, samada responden, dalam halkeadaan kes ini, mempunyai *locus standi* itu.

**Diputuskan:**

**[1]** Prosiding tatatertib terhadap seseorang Peguam tidak bersifat seperti satu penyiasatan atau pendakwaan jenayah tetapi hanyalah bersifat sebagai satu guaman sivil di antara pengadu dan Peguam yang berkenaan. Ini jelas dari kaedah-kaedah yang mempunyai kuatkuasa undang-undang sebagai perundangan subsidiari, yang mengawal prosiding sedemikian, seperti Kaedah-Kaedah Acara (Siasatan Tatatertib) Peguambela dan Pedguamcara 1970, Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Tribunal Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib) 1994 dan Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Rayuan) 1994. Oleh kerana begitulah sifat prosiding tatatertib terhadap seseorang Peguam, maka locus standi pihak yang mahukan dia dikenakan tindakan tatatertib menjadi penting. Jika, misalnya, pihak itu bukan pengadu, iaitu orang yang membuat aduan di bawah s. 95(1) Akta itu, dia tidak boleh mengerakkan prosiding terhadap Peguam itu.

**[2]** Mahkamah tidak dapat menerima hujah bahawa arahan BBMB untuk mendapatkan balik pinjaman melalui surat bertarikh 6 Disember 1990 itu merangkumi sama arahan untuk mengambil tindakan tatatertib oleh kerana surat berkenaan tidak membuat arahan khusus yang sedemikian. Lagipun matlamat bagi tindakan tatatertib ialah untuk menghukum kerana kesalahan tatatertib dan bukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah guaman, sepereti mendapatkan balik hutang. Kepentingan BBMB di sini hanyalah untuk mendapatkan balik hutangnya dan bukan untuk menghukum pada masa yang sama. Lainlah jika apa yang disarankan oleh responden melalui surat 26 November 1990 itu meliputi pengambilan tatatertib dan saranan tersebut dipersetujui secara khusus oleh BBMB melalui surat bertarikh 6 Disember 1990 itu. Seandainya pun BBMB telah bersetuju tentang tindakan tatatertib itu sebagai jalan pintas secara am-twisting untuk mendapatkan balik pinjamannya, ia tentu tidak akan lagi ada kepentingan untuk meneruskan tindakan tatatertib itu apabila ia berjaya mendapatkan balik wangnya.

**[3]** Jikapun sebenarnya BBMB telah mengarahkan responden supaya mengambil tindakan tatatertib, responden sepatutnya berbalik kepada BBMB untuk mendapat keputusan samada untuk meneruskan aduan itu atau pun tidak selepas diberitahu oleh perayu bahawa BBMB akan menarik balik aduan tersebut jika dan setelah LKNP membayar balik wang pinjaman. Keputusan samada untuk menarik balik aduan tersebut atau pun tidak adalah satu keputusan dasar yang perlu dibuat oleh klien itu sendiri dan bukannya oleh Peguam. Hakikat bahawa mereka tidak berbuat demikian, tetapi sebaliknya memutuskan untuk meneruskan tindakan, menunjukkan bahawa responden bertindak atas kehendak sendiri dalam membuat aduan ini dan bukan atas arahan BBMB.

**[4]** Atas imbangan kebarangkalian, adalah jelas bahawa di hadapan Jawatankuasa Tatatertib, responden tidak bertindak bagi pihak BBMB. Maka mereka bukanlah ejen BBMB di dalam prosiding tatatertib itu. Oleh kerana tuntutan responden tentang *locus standi* adalah sebagai ejen bagi BBMB, tuntutan mereka gagal.

*[Rayuan dibenarkan]*

**Perundangan yang dirujuk:**

Akta Profesion Undang-Undang 1976, s. 95(1)
Kaedah-Kaedah Acara (Siasatan Tatatertib) Peguambela dan Peguamcara 1970
Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Tribunal Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib) 1994, kaedah 7(1) (3), 8
Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Rayuan) 1994

*For the appellant - S. Sivasubramaniam; M/s Siva, Ram & Associates*
*For the respondents - Bastian Pius Vendargon (Anthony Martin Sebastian with him)*

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**Abdul Aziz Mohamad H.:**

Apabila rayuan ini didengar pada 30 Mac Mahkamah ini telah menangguhkan keputusan tentang alasan (j) rayuan perayu, atas asas bahawa ia akan mendengar penghujahan tentang alasan-alasan lain hanya jika perayu gagal atas alasan (j).

Alasan (j) mempertikaikan *locus standi* responden dalam prosiding di hadapan Jawatankuasa Tatatertib. Pertikaian itu semestinya membangkitkan soal siapakah pengadu dalam prosiding itu.

Soal itu tidak akan menjadi penting sekiranya pengendalian prosiding tatatertib terhadap seseorang Peguambela dan Peguamcara ("Peguam") selepas aduan dibuat di bawah s. 95(l) Akta Profesion Undang-Undang 1976 mempunyai sifat seperti pengendalian penyiasatan dan pendakwaan jenayah selepas dibuat laporan polis. Dalam hal laporan polis, biasanya pengendalian penyiasatan dan pendakwaan ditanggung oleh negara, dan pengadu tidak mengambil bahagian sebagai pihak dalam proses itu. Sekiranya pengadu adalah penting; pentingnya bukanlah sebagai pihak dalam tindakan terhadap orang yang dituduh, tetapi hanya sebagai saksi. Penyiasatan dan pendakwaan biasanya akan diteruskan jika perlu dan boleh walaupun misalnya pengadu itu mati atau tidak lagi berminat dalam perkara yang mengenainya dia membuat laporan polis itu. Jentera yang dia telah menggerakkan dengan membuat laporan polis itu biasanya berjalan terus.

Prosiding tatatertib terhadap seseorang Peguam tidak bersifat sedemikian. Kaedah-kaedah yang mempunyai kuatkuasa undang-undang sebagai perundangan subsidiari yang mengawal prosiding itu jelas menunjukkan bahawa ia bersifat sebagai guaman sivil di antara pengadu dan Peguam yang berkenaan. Saya merujuk kepada Kaedah-Kaedah Acara (Siasatan Tatatertib) Peguambela dan Peguamcara 1970 [P.U. (A) 232 tahun 1970] dan dua set kaedah-kaedah yang disiarkan baru-baru ini pada 19 Mei 1994, iaitu Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Tribunal Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib) 1994 [P.U.(A) 189 tahun 1994] dan Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Rayuan) 1994 [P.U.(A) 190 tahun 1994]. Prosiding tatatertib terhadap Peguam adalah pertarungan peribadi, di bawah pengawasan profesion undang-undang, di antara pengadu dan Peguam yang berkenaan. Pengadu mesti bersiap sedia dan melengkapkan diri untuk pertarungan itu jika dia hendak berjaya. Jika dia gagal dalam persiapan itu dia tidak akan berjaya. Maka mestilah berikutan bahawa dia boleh memutuskan untuk tidak meneruskan pertarungan itu atau untuk menarik diri dari pertarungan itu atau menarik balik aduannya dan jika itu berlaku, perkara itu akan habis di situ dan lawannya tidak lagi akan disusahkan oleh aduannya. Hak pengadu untuk menarik balik aduannya diberi sekarang ini dengan nyata dalam kaedah 7(l) Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Tribunal Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib) 1994 yang tersebut tadi. Akibat penarikan balik ialah pembatalan aduan itu di bawah kaedah 7(3) dan perkara itu tamat di situ melainkan jika, di bawah kaedah 8, Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam Negeri - tetapi tidak mana-mana orang lain, membuat keputusan untuk mengambil alih perkara itu seolah-olah aduan itu adalah aduannya sendiri.

Oleh kerana begitulah sifat prosiding tatatertib terhadap seseorang Peguam, *locus standi* pihak yang mahukan dia dikenakan tindakan tatatertib menjadi penting. Jika, misalnya, pihak itu bukan pengadu, iaitu orang yang membuat aduan di bawah s. 95(l) Akta itu, dia tidak boleh menggerakkan prosiding terhadap Peguam itu.

Sekarang saya berpaling kepada fakta-fakta yang ada kaitan dengan soal *locus standi* itu. Untuk kemudahan, dalam membentang fakta-fakta itu saya akan menganggap firma di mana perayu menjadi rakan kongsi sebagai perayu sendiri dan firma responden sebelum ia menukar namanya kepada namanya sekarang sebagai firma responden juga.

Perayu telah bertindak bagi pihak seorang klien dan Lembaga Kemajuan Negeri Pahang ("LKNP") dalam hal pembelian suatu hartanah oleh klien itu dari LKNP. Pembelian itu akan dibiayai oleh pinjaman dari Bank Bumiputra Malaysia Berhad ("BBMB") Yang akan dijamin oleh gadaian hartanah itu. Untuk hartanah itu digadaikan kepada BBMB bagi menjamin pinjaman BBMB kepada klien perayu, adalah perlu hartanah itu didaftarkan dalam nama klien itu dahulu dan untuk itu, mestilah ada memorandum pindah milik Yang sah dan layak didaftarkan dari LKNP kepada klien itu.

BBMB telah meluluskan pinjaman RM80 ribu kepada klien itu. Cek untuk pinjaman itu akhirnya berada dalam tangan responden sebagai Peguam bagi BBMB. Pada 28 Oktober 1985 responden menulis surat kepada perayu untuk berkata bahawa mereka akan hanya melepaskan cek itu atas akujanji perayu akan membayar balik amaun itu jika gadaian tidak boleh didaftarkan untuk manfaat BBMB atas apa-apa sebab. Sayugia diperhatikan dari surat itu bahawa sebagaimana sepatutnya - BBMB hanya berminat memastikan supaya pinjaman itu dijamin oleh gadaian atau, jika itu gagal, supaya pinjaman itu dibayar balik. Pada 4 November 1985 perayu telah memberi akujanji kepada responden akan mengemukakan kepada mereka dokumen-dokumen tertentu, termasuklah memorandum pindah milik yang sah dan layak didaftarkan. Dia juga memberi akujanji akan membayar balik pinjaman itu jika, atas apa-apa sebab, memorandum pindah milik itu tidak dapat didaftarkan.

Maka responden telah melepaskan cek itu kepada perayu, yang saya anggap telah membayar wang itu kepada LKNP, tetapi, kerana sebab-sebab yang saya tidak perlu nyatakan, perayu gagal memberi memorandum pindah milik yang sah dan layak didaftarkan kepada respondent.

Saya patut menyebut di sini bahawa responden mengakui di hadapan Jawatankuasa Tatatertib bahawa tidaklah ada unsur kecurangan di pihak perayu dalam perkara ini.

Pada 1 Mei 1990, bagi menjawab surat perayu yang memberi penjelasan tentang kegagalannya, responden menulis surat kepadanya untuk berkata bahawa, oleh kerana dia tidak dapat mengemukakan memorandum pindah milik yang sah dan layak didaftarkan dan dokumen-dokumen lain, dia sepatutnya membayar balik pinjaman RM80 ribu itu. Apa yang dikatakan oleh responden itu adalah kedudukan yang betul di sisi undang-undang dan tentulah juga menepati kehendak BBMB.

Pada 6 Disember 1990, BBMB menulis surat kepada responden. Surat itu merujuk kepada surat responden bertarikh 26 November 1990 dan meminta responden "teruskan tindakan untuk mendapatkan semula pinjaman tersebut' dari perayu sebagaimana yang tuan sarankan dahulu" Surat itu pada zahirnya meminta responden mendapatkan balik pinjaman itu. Ia membangkitkan soal sama ada BBMB telah meminta atau membenarkan responden mendapatkan balik pinjaman itu melalui tindakan tatatertib atau mengambil tindakan tatatertib di samping tindakan mendapatkan balik pinjaman itu. Saya tidak dapat menerima bahawa arahan untuk mendapatkan balik pinjaman itu merangkumi arahan untuk mengambil tindakan tatatertib oleh kerana matlamat yang sepatutnya bagi tindakan tatatertib ialah untuk menghukum kerana kesalahan tatatertib dan bukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah guaman, seperti mendapatkan balik hutang. Kepentingan BBMB

hanyalah untuk mendapatkan balik hutangnya dan bukanlah untuk menghukum pada masa yang sama. Lainlah kedudukannya jika surat responden bertarikh 26 November 1990 itu atau apa yang mereka "sarankan dahulu" itu dengan nyatanya meliputi pengambilan tindakan tatatertib, tetapi surat 26 November 1990 itu tidak ada di hadapan kami dan kami juga tidak mengetahui apakah yang responden "sarankan dahulu" itu.

Seandainyapun BBMB telah bersetuju tentang tindakan tatatertib itu sebagai jalan pintas secara **arm-twisting** untuk mendapatkan balik pinjamannya, ia tentu tidak akan lagi ada kepentingan untuk meneruskan tindakan tatatertib itu apabila ia berjaya mendapatkan balik wangnya.

Pada 17 Disember 1990, responden menulis surat kepada perayu untuk memberikannya masa empat belas hari untuk membekalkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk gadaian atau memulangkan pinjaman RM80 ribu itu, jika tidak "we have firm instructions from our clients to lodge a complaint against you with the Bar Council and further to file the relevant proceedings against you". Sayugia diperhatikan bahawa, menurut surat itu, "firm instructions" BBMB ialah untuk memulakan tindakan tatatertib di samping memfailkan prosiding undang-undang, tetapi tidak ada keterangan tentang apa-apa "firm instructions" dari BBMB selain suratnya bertarikh 6 Disember 1990 itu, dan saya sudahpun menyatakan pandangan saya tentang sama ada, dengan surat itu, BBMB telah mengarahkan tindakan tatatertib.

Ancaman responden itu telah dilaksanakan melalui surat aduan kepada Majlis Peguam bertarikh 21 Januari 1991 yang ditulis oleh firma responden. Surat itu bermula dengan berkata bahawa responden menulis bagi pihak BBMB. Ia berakhir dengan kata-kata "we are accordingly instructed by our clients to lodge this complaint".

Surat itu menghulurkan BBMB sebagai pengadu, yang telah mengarahkan responden membuat aduan itu bagi pihaknya. Implikasi dari surat itu ialah bahawa responden bukanlah pengadu tetapi adalah Peguam yang bertindak bagi pihak BBMB dalam perkara aduan BBMB itu.

Pada 1 April 1991 perayu menulis surat kepada responden. Jika apa yang dikatakan oleh perayu dalam surat itu adalah benar, LKNP telah mengadakan perbincangan dengan BBMB, dan BBMB telah membuat keputusan untuk bertindak terhadap klien perayu di bawah suratikatan serah hak dan perjanjian pinjaman. Surat itu mengemukakan dokumen hak milik kepada hartanah itu oleh kerana BBMB telah memberitahu LKNP bahawa hartanah itu terletak hak pada BBMB disebabkan suratikatan serah hak dan perjanjian pinjaman itu.

Pada 20 Jun 1991, setelah Majlis Peguam memutuskan adalah perlu aduan itu disiasat oleh Jawatankuasa Tatatertib, perayu menulis surat kepada responden. Perayu berkata bahawa LKNP telah berbincang tentang aduan itu dengan BBMB, dan LKNP telah bersetuju melepaskan balik pinjaman RM80 ribu itu dan BBMB akan menarik balik aduan itu. Maka dalam surat itu perayu berkata dia akan memulangkan wang itu apabila ia diterima dari LKNP, atas akujanji responden akan memulang balik dokumen hak milik yang dihantar kepada mereka pada 1 April 1991. Perayu juga meminta responden menarik balik aduan itu. Jika BBMB sebenarnya telah mengarahkan responden membuat aduan itu, saya percaya ia akan bersetuju menarik balik aduan itu apabila menerima balik wang RM80 ribu itu, memandang kepada apa yang saya telah katakan tadi tentang kepentingan BBMB sebenarnya.

Sepatutnya responden mendapat pengesahan dari BBMB sama ada benar ada persetujuan seperti itu. Jika sesungguhnya BBMB telah mengarahkan aduan itu dibuat untuk mendapatkan balik pinjaman itu, sepatutnya BBMB dinasihatkan bahawa, oleh kerana strategi aduan itu sekarang sudah mencapai matlamatnya, tidak ada guna lagi BBMB meneruskan strategi itu.

Tetapi adalah jelas bahawa responden tidak merundingi BBMB oleh kerana, dalam surat jawapan mereka bertarikh 25 Jun 1991 kepada perayu, mereka berkata:

> In respect of the contents (of your letter], we merely wish to add that at best, the refund of the sum of RM80,000 to our clients is a mitigating factor. The fact that there was a breach of a Solicitor's undertaking is clear and, as the Bar Council, by their letter dated 30 May 1991 to us and extended to you, has investigated the matter and has come to the conclusion that the matter merits further investigation by a Disciplinary Committee, we will leave the matter in the hands of the Bar Council. We see no reason to withdraw our complaint.

Surat perayu bertarikh 20 Jun 1991 itu merupakan suatu peringkat dalam perhubungan di antara Peguam dan kliennya di mana suatu keputusan dasar perlu dibuat sama ada hendak meneruskan lagi perkara yang klien itu telah menugaskan Peguam itu untuk mengendalikan, dan keputusan itu, sebagai keputusan dasar, adalah keputusan untuk dibuat oleh klien itu sendiri, tidak seperti keputusan teknik tentang cara hendak menjalankan penugasannya. Maka jika BBMB sebenarnya telah mengarahkan responden supaya mengambil tindakan tatatertib, mereka sepatutnya berbalik kepada BBMB untuk mendapat keputusan dasar. Hakikat bahawa mereka tidak berbuat demikian, tetapi sebaliknya memutuskan untuk meneruskan tindakan, serta nada acuh tak acuh surat yang menyatakan keputusan mereka, memperkuatkan saya dalam tidak dapat menerima surat BBMB bertarikh 6 Disember 1990 itu sebagai arahan untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap perayu, kerana keputusan dan surat responden itu mirip kepada menunjukkan bahawa responden bertindak atas kehendak mereka sendiri dalam membuat aduan itu.

Seandainya saya silap, dan BBMB sebenarnya telah mengarahkan responden supaya bertindak ke tahap membuat aduan kepada Majlis Peguam untuk mendapatkan balik wang pinjamannya, kegagalan responden mengambil peluang yang dihulurkan oleh surat perayu bertarikh 20 Jun 1991 itu untuk menamatkan perkara itu dengan mendapatkan keputusan BBMB menunjukkan bahawa, di peringkat itu, responden telah memutuskan untuk meneruskan tindakan sebagai atas kehendak mereka sendiri, tidak kira apakah kehendak BBMB. Jika responden telah merujuk surat perayu., itu kepada BBMB, saya tidak nampak BBMB memberi jawapan yang lain daripada bahawa mereka tidak ada kepentingan lagi dalam tindakan tatatertib itu oleh kerana sekarang mereka akan mendapat balik wang mereka, yang mana adalah tujuan tindakan tatatertib itu.

Walaupun responden enggan menarik balik aduan itu, perayu telah menghantar kepada responden RM80 ribu melalui surat bertarikh 6 Julai 1991. Perayu berkata bahawa bayaran itu dibuat atas akujanji responden akan mengembalikan dokumen hak milik yang telah dihantar kepada mereka pada 1 April 1991 itu "and that your clients would withdraw their complaint...". Perlu saya menegur bahawa, walaupun responden tidak ada memberi akujanji untuk mengembalikan dokumen hak milik itu, adalah wajar bagi perayu menghendaki ia dipulangkan balik, oleh kerana pinjaman itu telah selesai, dan bahawa, walaupun responden tidak memberi akujanji bahawa BBMB akan menarik balik aduan itu, adalah wajar bagi perayu menghendaki supaya aduan itu ditarik balik, sekiranya

benar, sebagaimana dinyatakan dalam surat perayu bertarikh 20 Jun 1991 itu, bahawa, dalam perbincangan di antara BBMB dan LKNP, BBMB telah bersetuju menarik baik aduan itu apabila LKNP membayar balik RM80 ribu itu. Perlu juga diperhatikan bahawa, dalam surat 6 Julai 1991 itu, perayu secara khususnya merujuk kepada aduan itu sebagai aduan BBMB.

Tetapi responden telah terasa tersinggung kerana sebutan oleh perayu tentang akujanji responden untuk menarik balik aduan itu, yang mereka anggap, dalam surat jawapan mereka bertarikh 26 Julai 1991, sebagai "the imposition of an unreasonable undertaking". Mereka berkata, "We have never, at any moment of time, given you an undertaking that we will withdraw our complaint ... upon receipt of your payment". Mereka juga berkata bahawa, tentang akujanji untuk mengembalikan dokumen hak milik itu, mereka akan merujuk kepada BBMB untuk mendapat arahan. Oleh kerana mereka membantah terhadap dakwaan mengenai akujanji tentang aduan itu, mereka memulangkan cek RM80 ribu itu sambil berkata bahawa perayu bolehlah membayarnya balik apabila responden memberi akujanji akan memulangkan dokumen hak milik itu, setelah mendapat arahan dari BBMB kelak.

Ada satu dua perkara yang menarik perhatian saya tentang surat itu. Saya sudahpun membuat teguran bahawa, walaupun adalah wajar bagi perayu menghendaki supaya dokumen hak milik itu dikembalikan dan aduan itu ditarik balik, responden sebenarnya tidak pernah memberi akujanji tentang dua perkara itu. Namun begitu responden hanya membantah tentang dakwaan mengenai akujanji akan menarik balik aduan, tetapi tidak tentang memulangkan balik dokumen hak milik. Bagi saya ini menunjukkan bahawa mereka adalah sensitif tentang soal menarik balik aduan. Kemudian, walaupun mereka akan merujuk kepada BBMB soal dokumen hak milik itu, mereka masih tidak akan merujuk kepada BBMB soal menarik balik aduan. Sepatutnya, jika mereka akan merujuk kepada BBMB soal dokumen hak milik itu, baiklah dirujuk sama soal menarik balik aduan itu, tetapi mereka telah merizabkan soal itu untuk diri mereka sendiri.

Seperkara lagi yang menarik perhatian saya tentang surat itu adalah begini. Dalam surat mereka bertarikh 25 Jun 1991 yang tersebut tadi, responden merujuk kepada aduan itu sebagai "our complaint". Mungkin boleh disarankan bahawa rujukan seperti itu tidaklah bererti responden bermaksud berkata secara literal bahawa aduan itu adalah aduan mereka, tetapi adalah cara yang mudah untuk berkata ia adalah aduan BBMB yang mereka buat untuk BBMB. Tetapi walaupun surat perayu bertarikh 6 Julai 1991 itu merujuk kepada aduan itu khusus sebagai aduan klien responden, iaitu BBMB, responden, dalam surat jawapan mereka bertarikh 26 Julai 1991 itu, masih lagi merujuk kepada aduan itu sebagai "our complaint'. Sekarang kelihatan seolah-olah dalam fikiran responden pada masa itu aduan itu adalah aduan mereka dan bukan aduan BBMB.

Semua hal itu tentang surat responden itu menyokong apa yang saya katakan tadi tentang responden meneruskan tindakan tatatertib itu atas kehendak mereka sendiri tanpa menghiraukan kehendak BBMB.

Perayu telah mengembalikan cek itu pada 31 Julai 1991 walaupun responden belum lagi memberi akujanji untuk mengembalikan dokumen hak milik itu. Walau bagaimanapun, akhirnya responden mengembalikan dokumen hak milik itu pada 9 Disember 1991.

Pernyataan aduan pengadu yang dikehendaki oleh kaedah 3(a), Kaedah-Kaedah Acara (Siasatan Tatatertib) Peguambela dan Peguamcara 1970 adalah bertarikh 28 Januari 1991. Kaedah 3(a) dengan jelasnya berniat pernyataan itu mestilah pernyataan aduan pengadu. Jika BBMB adalah pengadu, pernyataan itu mestilah kelihatan sebagai pernyataan aduan

BBMB. Tetapi ia tidak kelihatan sedemikian. Walaupun fakta-fakta yang didakwa dalam pernyataan aduan itu menunjukkan sebagaimana ia tidak dapat lari daripada menunjukkan kepentingan BBMB dalam perkara yang membangkitkan aduan itu dan bahawa BBMB adalah klien responden, pernyataan aduan itu dengan jelasnya berkata ia adalah pernyataan aduan responden. Ia bermula dengan berkata, "We, Omar and Joseph Au ... made the following complaint" terhadap perayu. Ia berakhir dengan tandatangan firma responden Akuan berkanun yang dikehendaki oleh kaedah 3(b), yang dibuat oleh Joseph Au Kong Meng dari firma responden berkata, "Saya, Joseph Au Kong Meng ... do solemnly and sincerely declare that I made this complaint ...".

Dalam keterangannya di hadapan Jawatankuasa Tatatertib, Joseph Au menyebut hanya surat BBMB bertarikh 6 Disember 1990 itu sebagai alasan untuk berkata bahawa BBMB telah mengarahkan supaya aduan itu dibuat. Saya sudahpun memberi pandangan saya tentang surat itu.

Bagi maksud rayuan ini, responden ada memfailkan satu afidavit yang diikrarkan pada 24 Mac 1994 oleh Aliudin bin Hj. Yaacob, Pengurus Cawangan BBMB, Cawangan Pekan. Pada ingatan saya, Peguam bijaksana bagi perayu ada membantah terhadap kemasukan afidavit itu dalam rayuan ini. Namun begitu, saya masih akan menimbang afidavit itu oleh kerana, pada pandangan saya, ia membantu kes perayu dan melemahkan lagi kes responden.

Perlu diingat kembali bahawa keterangan yang ada untuk membuktikan BBMB telah mengarahkan tindakan tatatertib terhadap perayu ialah surat BBMB bertarikh 6 Disember 1990 itu dan bahawa, dalam keterangannya di hadapan Jawatankuasa Tatatertib, Joseph Au bergantung hanya kepada surat itu sebagai surat yang memberi arahan itu. Dia tidak bergantung kepada apa-apa yang lebih luas daripada surat itu. Maka jikapun responden hendak mengemukakan keterangan lanjut untuk membuktikan arahan itu, keterangan yang akan diharapkan ialah keterangan yang akan menjelaskan lagi tujuan surat BBMB itu, misalnya, apakah dianya perkara yang, menurut surat itu, adalah perkara "yang tuan sarankan dahulu'. Keterangan yang akan diharapkan ialah sesuatu surat sebelum itu dari responden atau afidavit dari pegawai BBMB, yang jelas menunjukkan bahawa responden telah menyarankan tindakan tatatertib dan BBMB telah bersetuju. Tetapi afidavit BBMB itu tidak berbuat demikian. Inilah apa yang ia katakan:

> Saya telahpun membaca afidavit Joseph Au Kong Weng yang difailkan di sini dan mengesahkan bahawa pada masa-masa material Encik Joseph Au Kong Weng, dilantik sebagai Peguam BBMB untuk mengendalikan transaksi pinjaman oleh A. Malek bin Zulkifli dan sebagai Peguam, wakil dan ajen BBMB untuk mengambil semua tindakan yang beliau percayai, adalah tindakan yang sesuai untuk mengawal kepentingan BBMB.

Petikan itu adalah dalam bahasa yang berhati-hati. Ia tidak spesifik. Ia tidak memfokuskan isu yang berbangkit tetapi sebaliknya ia melebarkan dan mengabui isu itu. Ia tidak menjelaskan surat BBMB bertarikh 6 Disember 1990 itu, tetapi beralih dari surat itu kepada sesuatu perlantikan responden "untuk mengambil semua tindakan yang beliau percayai, adalah tindakan yang sesuai untuk mengawal kepentingan BBMB". Kata-kata itu adalah kata-kata yang berhati-hati dan dipilih dengan cermat. Afidavit itu mestilah bertujuan menyatakan sesuatu fakta, bukan kesimpulan undang-undang.

Sekiranya perlantikan sedemikian yang menggunakan kata-kata yang dipilih dengan begitu cermat adalah suatu hakikat, perlantikan itu hanya dapat dinyata atau disampaikan secara bertulis, tetapi tidak ada apa-apa yang dieksibitkan kepada afidavit itu untuk membuktikan perlantikan seperti itu. Walau bagaimanapun, di hadapan Jawatankuasa Tatatertib

responden tidak bergantung kepada apa-apa terma perlantikan yang luas seperti itu tetapi hanya kepada surat BBMB bertarikh 6 Disember 1990 itu.

Pendirian responden di hadapan Jawatankuasa Tatatertib dan dalam rayuan ini ialah bahawa, dalam prosiding tatatertib di hadapan Jawatankuasa Tatatertib itu, mereka bertindak bagi pihak BBMB yang telah, melalui ejensi mereka, membuat aduan kepada Majlis Peguam. Dengan kata-kata lain, responden menuntut *locus standi* sebagai ejen bagi pengadu yang sebenar, iaitu BBMB. Saya berpendapat, atas sebab-sebab yang diberi tadi, bahawa, atas imbangan probabiliti, BBMB tidak mengarah supaya dibuat aduan itu atau, sebagai alternatif, bahawa, di hadapan Jawatankuasa Tatatertib itu, responden tidak bertindak bagi pihak BBMB lagi. Maka mereka bukanlah ejen BBMB dalam prosiding tatatertib itu. Oleh kerana tuntutan mereka tentang *locus standi* adalah sebagai ejen bagi BBMB, tuntutan mereka gagal dan perayu berjaya atas alasan (j).